

Jawab semua soalan

1. Situasi yang manakah menunjukkan konsep yang betul mengenai kekurangan dan pilihan mengikut unit ekonomi?
 - A. Ali tidak berupaya untuk melaksanakan kerja sampingan lain memandangkan telah berkhidmat sebagai pensyarah di Kolej Yayasan Anda.
 - B. Maniam seorang pengusaha kuih tradisional terpaksa menangguhkan pengeluaran bahulu dan menumpukan pengeluaran maruku kerana kekurangan pekerja.
 - C. Kementerian Pendidikan membuat keputusan untuk menangguhkan pembelajaran bersemuka bagi melindungi kebaikan pelajar dari ancaman Covid- 19.
 - D. Universiti Malaya meningkatkan yuran pengajian pelajar bagi menampung kos operasi yang semakin meningkat kesan dari peningkatan kos sara hidup semasa.

2. Tanah merupakan faktor pengeluaran yang...
 - A. mempunyai mobiliti geografi yang tinggi
 - B. penawarannya bersifat terhad dalam jangka masa panjang.
 - C. diberikan ganjaran keuntungan jika dijual pada masa depan.
 - D. terdiri dari bangunan dan kilang dalam pengeluaran barang.


3. Jadual di bawah menunjukkan kombinasi pengeluaran barang X dan barang Y.

Kombinasi	Barang X (unit)	Barang Y (unit)
G	0	10
H	1	9
I	2	7
J	3	4

Manakah yang betul tentang jadual di atas?

- A. Pilihan 2 unit barang X mewujudkan kos lepas sebanyak 7 unit barang Y.
- B. Pengeluaran 3 unit barang X menyebabkan barang Y boleh dikeluarkan melebihi 4 unit.
- C. Kos lepas sebanyak 2 unit barang Y akan berlaku jika berlaku peralihan kombinasi H kepada kombinasi I.
- D. Kekurangan sumber pendapatan wujud jika lebih banyak barang X dikeluarkan berbanding barang Y.

4. Rajah di bawah menunjukkan suatu keluk kemungkinan pengeluaran.



Antara berikut, manakah yang menerangkan tentang keluk kemungkinan (KKP) di atas?


- I KKP berbentuk cembung menunjukkan kos lepas yang sama pada pelbagai tingkat keluaran.
 - II Peralihan disepanjang titik KKP menyebabkan peningkatan pengeluaran semua barang.
 - III Titik W menggambarkan ekonomi tidak mencapai tingkat guna tenaga penuh.
 - IV Masalah kekurangan faktor menyebabkan kombinasi titik Y tidak dapat dikeluarkan.
- A. I dan III
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV
5. Pernyataan manakah yang betul berkaitan sistem ekonomi kapitalis?
- I Pemilikan faktor adalah dimiliki secara bebas oleh pihak swasta dan badan perancangan pusat.
 - II Penetapan dasar harga maksimum dilakukan bagi melindungi pihak pengguna dalam negara.
 - III Mewujudkan kuasa monopoli korporat besar dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan.
 - IV Motivasi dan sifat keusahawanan dalam kalangan pengeluar dapat berkembang pesat.
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

6. Jadual di bawah menunjukkan jadual permintaan sesuatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
10	50
20	40
30	30
40	20

Pernyataan yang manakah betul berkaitan jadual di atas?

- A. Keluk permintaan berkadar langsung antara harga dengan kuantiti diminta.
 - B. Peralihan harga dari RM 20 ke RM 30 menyebabkan kuantiti diminta bertambah sebanyak 30 unit.
 - C. Berlaku pengembangan permintaan sebanyak 20 unit apabila harga barang menurun dari RM 40 ke RM 20.
 - D. Tingkat harga RM 30 menunjukkan harga mencapai tingkat keseimbangan barang dalam pasaran.
7. Peralihan keluk permintaan sesuatu barang ke kanan disebabkan oleh peningkatan...
- A. bilangan firma dalam pasaran
 - B. kos pengeluaran barang.
 - C. pelepasan cukai pendapatan
 - D. harga barang penggenap
8. Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan kereta Proton X-70.



Pernyataan manakah yang menyebabkan berlakunya peralihan keluk permintaan di atas?

- A. Harga barang pengganti import yang secara relatif lebih mahal.
- B. Kewujudan pelbagai jenama kenderaan baharu dalam pasaran automotif.
- C. Penambahbaikan sistem pengangkutan awam dalam negara.
- D. Usahasama antara Proton Malaysia dan Syarikat Geely China dalam pengeluaran kereta.


9. Jadual menunjukkan penawaran pakaian yang dibuat oleh dua buah firma.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)	
	Firma A	Firma B
10	2	3
20	4	5
30	7	7
40	10	11

Pernyataan yang manakah berkaitan jadual di atas?

- A. Kuantiti penawaran firma A sentiasa melebihi kuantiti penawaran firma B pada setiap tingkat harga.
 - B. Harga keseimbangan pasaran firma A dan firma B adalah pada tingkat harga RM 30.
 - C. Bentuk keluk penawaran pasaran firma adalah lebih landai berbanding keluk penawaran firma A dan firma B
 - D. Pembentukan keluk penawaran pasaran berlaku apabila menjumlahkan kuantiti pasaran firma A dan firma B secara menegak.
10. Manakah yang betul berkaitan konsep keseimbangan pasaran?
- A. Lebihan permintaan menyebabkan harga cenderung untuk menurun mencapai keseimbangan.
 - B. Lebihan penawaran berlaku kerana kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawar pada setiap tingkat harga.
 - C. Harga pasaran ditentukan melalui persilangan dua keluk penawaran dalam pasaran.
 - D. Harga adalah tidak berubah jika kuantiti penawaran menyamai kuantiti permintaan.
11. Apakah kesan kepada keseimbangan pasaran jika pendapatan individu meningkat melebihi peningkatan harga faktor pengeluaran?
- A. Harga barang akan akan meningkat.
 - B. Kuantiti keseimbangan mengalami penurunan.
 - C. Peralihan keluk permintaan dan penawaran akan beralih ke kanan.
 - D. Tingkat keseimbangan pasaran baharu tidak dapat ditentukan dengan tepat.

12. Rajah di bawah merupakan keseimbangan bagi pasaran ayam.



Situasi manakah yang menunjukkan perubahan keseimbangan di atas?

- A. Jangkaan harga ayam akan meningkat pada masa akan datang.
 - B. Kemunculan semula wabak virus selsema burung H5N1.
 - C. Penurunan harga daging segar tempatan dalam pasaran negara.
 - D. Teknologi moden sembelihan ayam yang semakin berkembang luas.
13. Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta akibat peratus perubahan harga sesuatu barang.

Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti diminta
20%	15%

Manakah pernyataan yang betul berkaitan jadual di atas?

- A. Jenis keanjalan permintaan barang adalah anjal
 - B. Ketahanan barang tersebut bersifat barang tahan lama.
 - C. Bentuk keluk permintaan barang adalah curam
 - D. Nilai pekali keanjalan permintaan barang 1.33
14. Apakah yang menyebabkan keanjalan penawaran sesuatu barang adalah anjal?
- A. Tambahan kos pengeluaran adalah kecil apabila kuantiti barang ditambah.
 - B. Faktor masa yang pendek dalam pengeluaran barang.
 - C. Ketersediaan stok tidak mencukupi untuk firma bertindak.
 - D. Memerlukan corak penggunaan faktor yang khusus.
15. Seseorang pengeluar akan menggunakan strategi peningkatan harga barang jika...
- A. Tidak mempunyai banyak barang pengganti.
 - B. Darjah ketagihan barang adalah rendah.
 - C. Nisbah pendapatan yang dibelanjakan adalah besar.
 - D. Jenis barang yang dikeluarkan adalah barang mewah.

16. Maklumat berikut berkaitan fungsi wang dalam ekonomi.

Aqil membuat pinjaman kad kredit Bank Muhibbah bertujuan untuk membeli basikal yang boleh digunakan untuk beriadah. Pembelian basikal yang bernilai mewujudkan kos lepas pembelian set meja makan yang diminta isterinya.

Manakah fungsi wang yang terlibat dalam maklumat di atas?

- I Alat bayaran tertunda
 - II Alat penyimpan nilai
 - III Alat pengukur nilai
 - IV Alat perantaraan pertukaran
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
17. Apakah fungsi wang sebagai jurubank kepada kerajaan?
- A. Memberi pendahuluan sementara
 - B. Menjaga nisbah rizab berkanun
 - C. Melaksanakan dasar kewangan mengatasi inflasi
 - D. Memastikan pengeluaran wang berdasarkan rizab emas dan pertukaran asing
18. Maklumat berikut berkaitan ciri sesuatu sektor pekerjaan.

- Peratus sumbangan guna tenaga yang tinggi dalam negara
- Merupakan sektor pelengkap kepada sektor-sektor lain

Apakah contoh pekerjaan bagi sektor tersebut?

- A. Pelukis pelan
- B. Jurutekologi makanan
- C. Petani hidroponik
- D. Ejen insurans

19. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan seseorang individu..

Sharifah membuat keputusan untuk berhenti sebagai pensyarah Seni Tari di sebuah kolej di Shah Alam bagi meneruskan legasi ibunya sebagai pengusaha pusat Andaman di Sungai Udang, Melaka.

Apakah faktor yang mendorong tindakan Sharifah?

- I Suasana tempat kerja
 - II Kelayakan akademik yang dimilikinya.
 - III Pengalaman dan kemahiran yang ada
 - IV Fleksibaliti dalam waktu bekerja
- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV
20. Situasi yang manakah menunjukkan seseorang memperoleh bayaran pindahan?
- A. Ain mengambil bayaran untuk menyiapkan tempahan menjahit pakaian.
 - B. Khadijah memperoleh aliran tunai masuk kerana mencarum KWSP setiap bulan.
 - C. Zubaidah mendapat penerimaan wang kerana membentarkan sebahagian lot kedainya digunakan sebagai stor simpanan.
 - D. Siti menerima pampasan dari pihak Perkeso kerana terlibat kemalanangan semasa bekerja.
21. Apakah kelebihan kaedah pembayaran pembelian barang secara kredit?
- I Pemilikan sesuatu barang adalah lebih mudah
 - II Harga barang yang ditawarkan adalah lebih murah
 - III Mendorong perbelanjaan barang melebihi pendapatan.
 - IV Taraf hidup masyarakat dapat ditingkatkan
- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV
22. Apakah jenis pelaburan yang memberikan pulangan dan tahap kecairan yang tinggi?
- A. Urusniaga pertukaran asing
 - B. Logam berharga
 - C. Saham syarikat
 - D. Unit amanah

23. Manakah yang betul mengenai konsep kos pengeluaran?
- A. Kos pengeluaran adalah perbelanjaan mendapatkan input pengeluaran.
 - B. Kos tetap dan kos berubah wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
 - C. Kos purata merupakan perubahan jumlah kos akibat perubahan seunit output.
 - D. Kos marginal adalah nisbah antara jumlah kos dengan jumlah output.
24. Maklumat di bawah berkaitan kos pengeluaran yang ditanggung Syarikat Iman.

Pengeluaran 10 unit barang memerlukan kos RM 1000. Tambahan pengeluaran barang sebanyak 20 unit menyebab kos pengeluaran bertambah sebanyak RM 4000.

- Berapakah kos marginal yang ditanggung oleh syarikat?
- A. RM 100
 - B. RM 200
 - C. RM 250
 - D. RM 300
25. Pernyataan manakah yang menunjukkan peranan kerajaan sebagai pengeluar?
- A. Kewujudan Bandar Baru Enstek melibatkan usahasama antara pihak swasta dan kerajaan.
 - B. Kementerian Pendidikan menawarkan pengambilan khas guru baharu hingga penghujung tahun 2021.
 - C. Pembukaan Hospital Besar Bera dijangka dapat meningkatkan kemudahan kesihatan masyarakat luar Bandar.
 - D. Perlaksanaan dasar upah minimum dijangka dapat meningkatkan produktiviti buruh tempatan.
26. Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan inflasi?
- A. Dasar fiskal mengembang digunakan untuk mengatasi masalah inflasi.
 - B. Penjualan surat jaminan kerajaan dapat mengawal inflasi dalam negara.
 - C. Kejatuhan nilai matawang tempatan menyebabkan berlakunya inflasi tolakan kos.
 - D. Inflasi yang tinggi di luar negara adalah faktor kepada inflasi tarikan permintaan.
27. Apakah kesan pengangguran terhadap ekonomi negara?
- A. Ketidakcekapan dalam pengeluaran barang
 - B. Peningkatan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat.
 - C. Wujud banyak masalah kes jenayah seperti rompakan dalam negara.
 - D. Menimbulkan masalah kekeluargaan dalam organisasi setempat.

28. Situasi yang manakah betul berkaitan cukai langsung yang diterima kerajaan?
- A. Ali seorang pengeksport kelapa sawit membuat bayaran untuk mengeksport kelapa sawit ke India.
 - B. Fatimah perlu membuat potongan bulanan kepada LHDN kerana gaji diterimanya melebihi nilai yang telah ditetapkan.
 - C. Kassim perlu membayar duti kerana membeli kenderaan yang diimport dari luar negara.
 - D. Sulaiman perlu membelanjakan bayaran levi kerana menggunakan pembantu rumah dari Indonesia.
29. Apakah faktor penggalak globalisasi disebabkan oleh peranan kerajaan?
- A. Perlaksanaan liberalisasi perdagangan dengan negara-negara ASEAN.
 - B. Kemajuan portal perniagaan melibatkan urusniaga dari pelbagai negara
 - C. Penambahbaikan perkhidmatan kargo yang dijalankan oleh pihak Mas-Kargo.
 - D. Kemasukkan pelancong yang mengalakkan ke pusat peranginan dalam negara.
30. Antara berikut, manakah sebab wujudnya perdagangan antarabangsa?
- I Harga faktor buruh yang lebih murah di sesebuah negara.
 - II Citarasa dan kehendak masyarakat yang pelbagai
 - III Meningkatkan pedapatan negara yang berdagang
 - IV Hubungan baik dengan rakan dagang dapat diwujudkan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
31. Pernyataan manakah yang betul tentang sekatan perdagangan dalam bentuk tarif?
- A. Harga keluaran tempatan mengalami penurunan.
 - B. Kutipan hasil yang diperoleh kerajaan akan meningkat.
 - C. Barang import yang dibawa masuk dihadkan pada kadar tertentu.
 - D. Permintaan penggunaan barang meningkat selepas perlaksanaan sepenuhnya berlaku.

32. Antara berikut, manakah tujuan sekatan perdagangan antarabangsa?
- I Memperoleh barang yang tidak dikeluarkan dalam negara
 - II Mewujudkan peluang pekerjaan kepada buruh tempatan
 - III Memperbaiki imbalan pembayaran negara
 - IV Menikmati barang pada harga lebih murah
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
33. Pasangan manakah yang betul tentang kesan pelaburan langsung asing kepada negara?
- | Kesan | Keterangan |
|--------------|--------------------------------------------------|
| A. Positif | Aliran untung ke luar negara bertambah |
| B. Positif | Meningkatkan kemahiran modal insan |
| C. Negatif | Daya saing firma asing meningkat |
| D. Negatif | Jumlah kemasukan modal asing dalam negara tinggi |

34. Jadual di bawah menunjukkan imbalan pembayaran Malaysia tahun 2015 dan 2016.

Butiran	2015 (RM juta)	2016 (RM juta)
Ak Barang	109 224	101 382
Ak Perkhidmatan	- 20 632	- 19 090
Pendapatan Primer	-32 112	-34 640
Pendapatan Sekunder	-21 325	-18 629
Ak Kewangan	-1 135	108
Ak Modal	- 55 350	- 1 126
Kesilapan dan ketinggalan	25 080	-13 226

Antara berikut, manakah yang betul tentang jadual di atas?

- I Nilai eksport bersih barang Malaysia menunjukkan peningkatan tahun 2016.
 - II Defisit Ak Perkhidmatan semakin berkurang tahun 2016 berbanding 2015.
 - III Ak Semasa mencatatkan kejatuhan tahun 2016 berbanding 2015.
 - IV Pendapatan pelaburan yang dibawa masuk ke dalam negara melebihi di bawa ke luar negara tahun 2016.
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

35. Apakah kesannya jika kadar pertukaran asing berubah dari USD 1 = RM 4.80 tahun 2020 kepada USD 1 = RM 4.15 tahun 2021?
- A. Nilai Ringgit Malaysia semakin merosot berbanding tahun sebelumnya.
 - B. Harga relatif eksport Malaysia akan lebih murah tahun 2021.
 - C. Permintaan ke atas barang import akan meningkat.
 - D. Kedudukan imbalan pembayaran negara akan bertambah baik.
36. Maklumat berikut menunjukkan akaun semasa Malaysia pada tahun 2017.

Lebihan akaun dagangan terus mengukuh RM 109.1 bilion berbanding RM 101.4 bilion tahun 2016

Sumber: Ubahsuai Berita Harian Online 27 Oktober 2017

Apakah faktor yang menyebabkan keadaan tersebut?

- A. Pertambahan kemasukan modal modal dari pelaburan asing
- B. Pertambahan pindahan bersih daripada sumbangan negara asing
- C. Peningkatan jumlah nilai eksport barang komoditi
- D. Peningkatan kehadiran pelancong asing ke Malaysia

Soalan 37 hingga 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

37. I Ekonomi mengkaji sumber ekonomi dan kehendak yang terhad.
II Kehendak adalah barang-barang yang digunakan untuk keselesaan hidup.
38. I Bank perdagangan menawarkan akaun tetap, akaun tabungan dan akaun semasa.
II Ak Semasa diberikan kemudahan pengeluaran wang menggunakan cek.
39. I Inflasi sederhana menyebabkan kadar pengangguran akan meningkat.
II Pengangguran geseran berpunca dari kelembapan ekonomi dunia.
40. I Ak semasa merekodkan akaun dagangan, akaun pendapatan dan akaun modal.
II Ak Semasa defisit disebabkan berlakunya kemasukan aliran wang dan modal melebihi aliran keluar wang dan modal ke dalam negara.